# Kecederaan hidung tidak halang Wardi bertarung

B. Harian (M)

28 JUL 1989

KECEDERAAN hidung yang dialami empat hari lalu, tidak melemahkan semangat juara Kelas B Silat Sedunia '87, Ahmad Wardi Salim, memburu pingat emas pada Sukan SEA XV bermula 20 Ogos ini, *lapor MOHD RAHIME YUSOF.*

"Saya tetap ke gelanggang nanti. Kecederaan saya tidak begitu berat dan tidak mengganggu pemikiran saya untuk memenuhi cita-cita mengutip pingat emas," katanya sebaik keluar dari Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL), pagi semalam.

Ahmad Wardi mengalami retak tulang hidung akibat terkena tendangan sewaktu menjalani latihan dengan juara Kelas D, Zakri Ibrahim.

Kepulangannya ke kem latihan di Bangi bersama penolong pengurus pasukan, Haji Abdul Rahim Manan dan penolong jurulatih, Johari Ibrahim semalam disambut riang oleh rakan-rakan pesilat.

Ahmad Wardi berkata, kecederaan itu tidak melemahkan semangatnya untuk meneruskan latihan.

Dia begitu berkeinginan untuk mengutip pingat emas bagi menebus kegagalan di Sukan SEA Jakarta, dua tahun lalu.

Di Jakarta lalu, dia tumpas kepada jaguh Indonesia, Joko Widodo. Bagaimanapun, Joko dikatakan sudah bersara selepas tumpas di Kejuaraan Silat Sedunia '87 lalu.

"Saya akan menjalani latihan ringan esok (hari ini)," kata pesilat Melaka itu.

Ahmad Wardi percaya kecederaan itu akan pulih sepenuhnya sebelum temasya sukan terbesar Asia Tenggara bermula nanti.

"Saya bukan mengikut perasaan. Yang nyata, saya memang boleh pulih dan sedia memikul tanggungjawab itu nanti," katanya.

Mengenai Sukan SEA nanti, beliau percaya pesilat Indonesia tetap menjadi pencabar terkuat. Tetapi, jika Joko masih bertanding, ia satu peluang terbaik untuknya menebus kegagalan sebanyak dua kali sebelum ini.

# Wardi direstu

29 JUL 1989

MAJLIS Gabungan Seni Silat Negeri Melaka bersyukur dan mengalu-alukan hasrat juara Kelas B Silat Sedunia '87, Ahmad Wardi Salim untuk memburu pingat emas pada Sukan SEA XV bermula 20 Ogos ini, walaupun mengalami kecederaan di hidungnya. B. Harian (M)

# Pesaka pilih Pusat Latihan Petronas

KEPUTUSAN Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) memilih Pusat Latihan Petronas, Bangi sebagai gelanggang pertandingan Sukan SEA XV menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan skuad silat negara. B. Harian (M)

Mereka bimbang, kedudukan gelanggang itu yang jauh dari pusat bandaraya, boleh menjejaskan sambutan penonton.

Pesaka sebelum ini ditawarkan memilih Universiti Malaya atau Dewan Sivik, Petaling Jaya sebagai gelanggang petandingan.

Jawatankuasa pertandingan persatuan dikatakan menolak kedua-dua gelanggang berkenaan kerana tidak sesuai untuk kejohanan bertaraf antarabangsa.

- 5 AUG 1989

*Harian Sukan* difahamkan, keputusan Pesaka memilih tempat itu kerana ingin menjimatkan belanja termasuk penginapan wasit, juri dan dewan pendekar, tanpa pengetahuan anggota silat negara.

"Jika kami mengetahuinya awal, mungkin kami akan mencadangkan Melaka atau negeri lain sebagai gelanggang," tambah beliau.

Turut bimbang ialah beberapa pelatih silat negara yang mengharapkan sokongan padu pentonon sewaktu pertandingan nanti.